



**UDA HOLDINGS BERHAD**

**PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK DI SRI PENTAS, BANDAR UTAMA DAN SERAHAN SUMBANGAN RM30,000 KE TABUNG BERSAMAMU**

- *Sebanyak 1,200 pek juadah bubur lambuk ayam dan daging diagihkan kepada warga kerja Media Prima di Sri Pentas, Bandar Utama.*
- *Inisiatif ini adalah sebahagian daripada CSR UDA; 'UDA Cares – Project RE' yang memfokuskan pada kemampuan dan pemerksaan komuniti.*
- *Sebanyak RM30,000 sumbangan zakat disalurkan ke Tabung Bersamamu (Media Prima-NSTP Humanitarian Fund) pada program tersebut.*

**Kuala Lumpur, 28 Mei 2019** – UDA Holdings Berhad (UDA) sekali lagi mengambil usaha murni sempena bulan Ramadan kali ini dengan mengagihkan juadah bubur lambuk kepada warga kerja Media Prima Berhad di Sri Pentas, Bandar Utama, hari ini.

Program yang diadakan buat julung kalinya ini bertujuan mengeratkan hubungan UDA bersama warga Media Prima selain meraikan bulan penuh keberkatan ini bersama warga kerja Media Prima. Memahami tugas warga kerja Media Prima yang sentiasa sibuk, UDA mengambil inisiatif ini sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) UDA iaitu 'UDA Cares – Project RE (React, Rebuild, Reenergize)'. Project RE adalah salah satu CSR UDA yang mula diperkenalkan awal tahun lalu.

Berbeza dengan CSR UDA yang lain, Project RE ini lebih memfokuskan pada kemampuan dan pemerksaan komuniti. Bagi program kali ini, UDA memfokuskan pada komuniti media yang turut menjadi penyumbang dalam perkembangan UDA dan sentiasa memberi sokongan dari semasa ke semasa.

Sebanyak 1,200 pek juadah bubur lambuk diagihkan di hadapan lobi Sri Pentas bermula jam 2.30 petang. Sebelum itu, program bermula dengan acara memasak enam (6) periuk juadah bubur lambuk ayam dan daging seawal jam 9.00 pagi di kawasan lobi Sri Pentas. Juadah tersebut disediakan oleh AnCasa Hotel & Spa Kuala Lumpur, salah satu anak syarikat UDA.

Seiring dengan penganjuran program berkenaan, UDA turut mengambil keberkatan pada bulan Ramadan yang penuh mulia ini dengan menyumbangkan sebanyak RM30,000 sumbangan zakat ke Tabung Bersamamu (Media Prima-NSTP Humanitarian Fund). Serahan cek sumbangan disempurnakan oleh Puan Radziah Mohamed Fadzil, Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan UDA dan wakil Media Prima yang menerima cek tersebut ialah Encik Azlan Abdul Aziz, Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan.

**TAMAT**

---

## **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my) atau laman Facebook [www.facebook.com/UDAHoldings](http://www.facebook.com/UDAHoldings).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | [n.hanisah@udanet.com](mailto:n.hanisah@udanet.com) | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (Lat)** | [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com) | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan  
UDA Holdings Berhad  
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.  
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855